

Pertandingan Kuda Kepang MAKUM 2009

Pertama Kali Diperkenalkan

Oleh : Cik Rosernifariza Ramli

20 hingga 22 Mac 2009 - Pertandingan ini pertama kali diperkenalkan di dalam acara MAKUM. Pertandingan ini dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) dan 8 universiti telah mengambil bahagian di dalam pertandingan tersebut.

Pelajar UniMAP yang disertai oleh 4 orang pelajar lelaki dan 4 orang pelajar perempuan telah mengadakan persempahan yang begitu bergaya. Namun, kehebatan universiti-universiti lain tidak dapat ditandingi.

Johan pertandingan ini dimenangi oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang membawa pulang wang tunai RM 3,000.00, sijil, piala iringan dan piala pusingan. Naib Johan yang dimenangi oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM 2,000.00, sijil dan piala iringan manakala tempat ketiga dimenangi oleh Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan membawa pulang wang tunai RM 1,000.00, sijil dan piala iringan. Selain itu, UKM bukan sahaja memenangi pertandingan tersebut tetapi telah memenangi 2 anugerah lain iaitu Anugerah Koreografi Terbaik dan Anugerah Busana Terbaik yang masing-masing membawa pulang wang tunai RM 200.00, sijil dan Piala Iringan. Manakala Anugerah Khas Juri dimenangi oleh Tuan Rumah iaitu Universiti Sains Malaysia (USM) dan membawa pulang wang tunai RM 200.00, Piala Iringan dan Sijil.

